

IKLAN PENGISIAN JAWATAN KOSONG



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang ditubuhkan oleh Parlimen melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 adalah merupakan sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang dipertanggungjawabkan untuk memupuk kesedaran dan mempertahankan hak asasi manusia. SUHAKAM ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkecekapan untuk mengisi jawatan berikut:

1. Jawatan : **PENOLONG SETIAUSAHA GRED 9**
 - **BAHAGIAN PENDIDIKAN, KEMASYARAKATAN DAN PROMOSI (EOPD)**

- Tanggagaji : RM2,580.00 dan elaun tambahan sebanyak RM900.00 sebulan
- Taraf Jawatan : Tetap dan Tidak Berpencen (Caruman KWSP)
- Bertempat di : Ibu Pejabat Kuala Lumpur
- Kelayakan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Sosial, Undang-Undang, Hubungan Antarabangsa, atau bidang yang berkaitan dari Universiti atau Institusi Pendidikan yang diiktiraf oleh Suruhanjaya;
 - ii. Kredit Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Suruhanjaya;
 - iii. Mempunyai pengetahuan berkenaan SUHAKAM dan hak asasi manusia serta mampu mengartikulasi pengetahuan tersebut;
 - iv. Kelebihan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan praktikal mengenai isu-isu hak asasi manusia serta berkebolehan membangunkan modul latihan;

- v. Mahir bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta berkeupayaan memberikan pengucapan awam dengan baik dalam kedua-dua bahasa; dan
- vi. Mampu bekerja dalam pasukan dengan pemantauan yang minimum.

Kekosongan : 1 Kekosongan Jawatan

Tanggungjawab : Penolong Setiausaha Gred 9 akan bertanggungjawab, antara lain seperti berikut:

- i) Menyampaikan ceramah dan latihan hak asasi manusia kepada pelbagai pihak antaranya agensi penguatkuasaan, penjawat awam lain dan kakitangan swasta serta masyarakat awam.
- ii) Membangunkan modul latihan, kurikulum hak asasi manusia dan alat bantu mengajar (ABM) yang sesuai dengan golongan sasaran yang dikenalpasti.
- iii) Melaksana program pendidikan termasuk mengkoordinasi mesyuarat, seminar, bengkel, ceramah dan pembentangan kertas kepada mana-mana pihak berkepentingan.

2. Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W1**
 • **BAHAGIAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN**

Tanggagaji : RM1,500.00 dan elaun tambahan sebanyak RM805.00 sebulan

Taraf Jawatan : Tetap dan Tidak Berpencen (Caruman KWSP)

Bertempat di : Ibu Pejabat Kuala Lumpur

Syarat Umum

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Kelayakan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,500.00); atau

- ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,561.00); atau

- iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,561.00); atau

- iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,622.00); atau

- v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,622.00)

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Kekosongan : 1 Kekosongan Jawatan

Tanggungjawab : Pembantu Tadbir (Kewangan) akan bertanggungjawab, antara lain seperti berikut:

Bertanggungjawab untuk membantu dalam menyedia dan mengemaskini, mengurus dan menyelenggara rekod perbelanjaan khususnya kerja-kerja melibatkan Pengurusan dan

Kewangan Belanjawan serta Pengurusan Kewangan Am, Pengurusan Terimaan, Pengurusan Bayaran Emolumen, Pembayaran dan lain-lain yang diarahkan dari masa ke semasa.

Cara Memohon

Calon-calon yang berminat adalah diminta untuk mengemukakan surat permohonan yang lengkap seperti berikut:

- i. Surat rasmi permohonan/iringan;
- ii. Resume yang lengkap mengandungi butiran seperti maklumat peribadi, kelayakan dan pengalaman;
- iii. Sijil dan transkrip akademik (salinan yang disahkan);
- iv. Kad pengenalan (salinan yang disahkan);
- v. Gambar berukuran pasport (tidak akan dikembalikan); dan
- vi. Satu (1) surat rujukan daripada majikan semasa (jika ada).

Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan sebelum atau pada **6 Februari 2026 (Jumaat)** kepada:

Setiausaha
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
Aras 17, Menara Aras Raya,
11, Jalan Raja Laut, 50100 Kuala Lumpur.
(Untuk Perhatian: Bahagian Sumber Manusia)
atau e-mel kepada:
[**jawatankosong@suhakam.org.my**](mailto:jawatankosong@suhakam.org.my)

Hanya calon yang berjaya disenarai pendek sahaja yang akan dihubungi. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian 03-2612 5600/5607/5712.